



kaunseling Remaja

Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

Soalan

SAYA seorang pelajar sederhana yang mempunyai masalah cukup berat. Saya menjadi mangsa penganiayaan seksual abang sejak belajar di tahun lima lagi.

Selama ini saya tidak mengambil berat mengenai perkara yang dilakukannya sehinggalah saya berusia 12 tahun. Saya mula rasa benci pada lelaki dan selepas melangkah ke sekolah menengah, saya berkawan dengan pelajar yang agak bebas.

Namun, saya bersyukur kerana sepanjang berkawan dengan mereka saya tidak terjebak dan ini juga mungkin kerana pengalaman pahit yang pernah dialami.

Masalah saya semakin teruk apabila perlakuan bebas mereka diketahui pihak sekolah dan saya turut dikaitkan dengan perkara itu.

Untuk mempertahankan diri, saya menceritakan segala pengalaman pahit saya kepada guru, namun mereka tidak percaya.

Sejak kejadian itu, saya berasa hidup saya malang dan hina, malah sering menyalahkan takdir.

Ketika masuk ke tingkatan empat, saya sangat terkejut apabila mengetahui saya mengidap penyakit sifilis.

Sejak itu saya tidak punya minat untuk belajar dan hampir putus asa.

Masalah ini saya rahsiakan daripada pengetahuan orang tua kerana tidak mahu hati mereka terluka lagi.

Cukuplah mereka terluka dengan sikap abang saya yang

Pelajar dianiaya abang hidap sifilis

tidak bertanggungjawab itu.

Pada mulanya saya ingin mendapatkan rawatan di hospital, tetapi takut dan malu. Sehingga kini, saya tidak pernah menjalani sebarang rawatan.

Saya hanya mampu berdoa dan berharap agar penyakit ini sembuh.

Saya tidak tahu apa yang perlu dilakukan. Saya takut penyakit ini tidak dapat disembuhkan dan meragut nyawa.

SYARIFAH,
Kuala Lumpur

Jawapan

DENAR sekali berat dugaan hidup adik. Dr faham dan mengerti bahawa bukan senang bagi seseorang yang seusia adik untuk menempuh dugaan sebesar ini.

Pengalaman hidup akibat penganiayaan seksual abang, menghidap sifilis dan tidak dipercayai guru menyebabkan adik berasa diri seperti malang, hina serta selalu menyalahkan takdir.

Biasanya, kajian (Cole, 1982, Russel, 1986) menda-

pati kesan mendalam ke atas individu yang dianiaya saudara terdekat secara seksual ialah kepercayaan yang hilang ke atas abang dan lelaki serta tidak mahu berkahwin.

Individu juga akan berasa rendah diri dan mempunyai kecenderungan untuk menjadi mangsa penganiayaan seksual pada masa hadapan.

Mangsa juga kurang mendapat sokongan daripada keluarga dan masyarakat yang lebih suka menyalahkan mangsa. Dr melihat ada beberapa ciri di atas yang adik alami.

Dr dapat merasakan perasaan adik itu. Bagaimanapun, sesukar mana kehidupan ini, kita kena menempuhnya juga. Oleh itu, Dr mengharapkan agar adik tidak berputus asa.

Allah s.w.t berfirman: "Katakanlah: Hai hamba-Ku yang berlebih-lebihan terhadap dirinya, janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampuni dosa semuanya. Sungguh dia Pengampun lagi Penyayang." (Az-Zumar: ayat 53).

Dr juga berdoa agar adik tidak menyalahkan takdir. Segala yang berlaku sudah diturunkan Allah, ada ubatnya bagi manusia, kita tidak boleh berputus asa atas apa yang diberikan.

Firman Allah s.w.t dalam surah At-Taubah ayat 51 yang bermaksud: "Katakanlah: Tiadalah akan menimpa kami, kecuali apa yang telah dituliskan Allah bagi kami. Dia wali kami dan kepada Allah hendaklah bertawakal orang beriman."

Apa yang amat penting ialah adik perlu mendapat rawatan perubahan.

Mendapatkan rawatan untuk penyakit adik itu sangat penting. Apapun kesudahan hidup yang adik lalui, adik berhak menikmati kehidupan yang lebih baik.

Adik berhak memperoleh kesihatan dan kebahagiaan buat diri adik, tetapi langkah betul perlu dilakukan.

Jelas sekali, adik perlu membuang rasa takut dan malu. Segeralah berjumpa doktor untuk merawat penyakit adik itu.

Daripada Abu Hurairah r.a, Nabi s.a.w bersabda: "Bagi setiap penyakit yang diturunkan Allah, ada ubatnya yang juga diturunkan-Nya."

Walaupun Dr memahami perasaan malu dan takut adik untuk mendapat rawatan, kesihatan serta nyawa adalah penting berbanding perasaan itu.

Penyakit adik tidak boleh dirahsiakan daripada ibu bapa kerana mereka adalah sebahagian daripada diri adik. Tentunya mereka tidak mahu anak mereka menderita terutama ia membabitkan kesihatan.

Apa yang dilakukan oleh abang adik itu adalah satu perbuatan yang amat keji. Seorang abang sepatutnya melindungi adik dengan penuh kasih sayang, tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya.

Dr juga amat memahami perasaan adik apabila guru di sekolah tidak dipercayai cerita bahawa adik dianiaya. Mungkin persepsi mereka terhadap adik adalah kerana pergaulan bebas antara adik

dan rakan.

Dr cadangkan adik berjumpa kaunselor sekolah supaya dapat membantu adik kerana mereka ditugaskan untuk membantu pelajar yang menghadapi masalah.

Setiap kaunselor mempunyai etika kerahsiaan dan mereka akan dapat membantu dalam permasalahan adik.

Mereka boleh mencadangkan apa yang seharusnya adik lakukan termasuk merujuk kepada doktor perubahan berkaitan sakit yang adik hidapi.

Carilah sesiapa yang adik percaya untuk berkongsi masalah kerana ia boleh mengurangkan tekanan perasaan.

Sesukar manapun kehidupan, kita perlu melaluinya dengan kekuatan diri dan tidak mengalah serta bersemangat.

Kekuatan tidak datang daripada kemampuan fizikal, tetapi ia datang daripada semangat yang tidak pernah mengalah. Dr akan sentiasa mendoakan adik akan menemui sinar setelah melalui lliku penderitaan hidup.

Hubungan dengan ibu tiri tidak serasi

Soalan

SAYA pelajar tingkatan satu manakala ibu bapa saya sudah bercerai.

Selepas bercerai, bapa berkahwin lain dan kini saya tinggal bersama mereka.

Masalahnya kini, saya begitu tertekan kerana ibu tiri saya memilih kasih.

Kami selalu bergaduh kerana perkara remeh-temeh. Saya pula mudah naik angin terutama apabila orang mengata dan mencabar saya.

Saya pernah mencertakan masalah ini kepada bapa, tetapi dia tidak percaya dan lebih dipercayai ibu tiri saya. Lalu, setiap kali ada masalah, saya tidak bercerita pada bapa sebaliknya meluahkan kepada rakan

di sekolah.

Ibu tiri saya cukup pandai berlakon yang membuatkan saya sakit hati.

Apabila berada di hadapan bapa, dia begitu mesra dan boleh bercakap secara baik dengan saya.

Hidup saya cukup tertekan dengan keadaan ini. Saya ingin mencari penyelesaian supaya saya boleh berbaik dengan ibu tiri saya.

ANISAH,
Kuala Terengganu, Terengganu

Jawapan

KEINGINAN adik untuk berbaik dengan ibu tiri adalah satu langkah awal mewujudkan hubungan yang harmoni dengan ibu tiri. Tahukah

Dr ucapkan.

Memang tidak dapat dinafikan, memulakan kehidupan dalam situasi baru memerlukan penyesuaian yang bukan mudah.

Mendapat ibu tiri adalah satu situasi yang memerlukan adik menyesuaikan diri.

Keadaan ini turut berlaku kepada ibu tiri adik kerana dia juga perlu menyesuaikan diri dengan adik.

Nampaknya adik dan ibu tiri masing-masing ingin mendapat perhatian bapa.

Seperti adik katakan, pergaduhan antara adik dengan ibu tiri selalu berlaku kerana perkara remeh-temeh.

Mungkin, sudah tiba masa kedua-duanya mengeneipkan isu kecil dan fokus kepada

perkara lebih penting iaitu mewujudkan perhubungan yang harmoni dalam keluarga baru.

Mungkin ini akan mengambil masa dan tidak boleh berlaku dalam waktu singkat, tetapi jika kedua-dua pihak berusaha ke arah membina hubungan keluarga yang baik, ia boleh berjaya.

Setiap kali adik naik angin, cuba ingatkan diri bahawa ia tidak akan menyelesaikan apa-apa, malah makin memburukkan keadaan.

Berfikir secara rasional bahawa hubungan yang baik adalah jauh lebih baik daripada hubungan yang sentiasa tegang. Ia juga dapat mengurangkan perasan tertekan adik. Semoga berjaya.